

11 MAR 2002

MAHATHIR-RUSSIA/I

DR MAHATHIR AKAN SAMPAI UCAPAN PERNIAGAAN DI FORUM RUSSIA, JERMAN

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan mengetuai rombongan ke Russia dan Jerman bermula minggu ini, akan menyampaikan ucapan-ucapan utama di dua forum perniagaan di Moscow pada 14 Mac dan Munich pada 18 Mac, masing-masing.

Ucuptama di Forum Perniagaan Malaysia-Russia di Russia bertajuk "Globalisasi - Ke arah Pasaran yang Adil dan Makmur," manakala penyampaian di Jerman adalah mengenai "Mencapai Satu Wawasan: Cara Malaysia," Institut Strategi dan Kepimpinan (ASLI) berkata di dalam satu kenyataan di sini hari ini.

ASLI berkata kedua-dua forum itu akan terbina di atas kejayaan sidang kemuncak pelaburan Malaysia di New York dalam kedudukan strategik negara sebagai destinasi perniagaan dan pelaburan yang berdaya maju dan menguntungkan.

Forum-forum berkenaan juga akan memaparkan daya tarik perniagaan Malaysia dan menarik perhatian kepada asas makro-ekonominya yang meningkat dan ketelusan dan tadbir urus korporat yang dipertingkatkan, katanya. ASLI adalah salah satu daripada pengajur forum perniagaan itu.

Dr Mahathir akan melakukan lawatan rasmi ke Russia mulai 14 hingga 16 Mac, ke Jerman pada 18-20 Mac dan selepas itu melawat Poland dari 21-22 Mac.

Forum di Russia itu akan menumpukan kepada memperkukuhkan kerja sama perniagaan dua hala dan juga mempamerkan potensi pelaburan Malaysia kepada peniaga-peniaga dan syarikat-syarikat Russia.

Kira-kira 100 pemimpin perniagaan Malaysia akan menyertai lebih daripada 250 rakan sejawat Russia mereka di forum itu.

Forum di Munich pula akan menggalakkan Malaysia di Jerman dan menarik lebih banyak pelabur Jerman ke Malaysia.

Antara tokoh lain yang dijangka berucap pada forum perniagaan di Jerman ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industry Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie. --  
BERNAMA

MR SD OS